



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KESEPULUH**

TARIKH : **21 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT)**

MASA : **9.30 PAGI**

TEMPAT : **BILIK ANGSANA PUTRA 1, ARAS 2, BANGUNAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

KEHADIRAN : **LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
10.1	ALUAN PENGERUSI Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah dan mengalukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja serta Wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kesepuluh.	Makluman
10.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KELAPAN DAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KALI KESEMBILAN (KHAS) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kelapan yang diadakan pada 6 April 2018 dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kesembilan (Khas) yang diadakan pada 9 Ogos 2018 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
10.3	<p>PERKARA BERBANGKIT</p> <p>10.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kelapan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kesembilan (Khas) adalah seperti pada Lampiran B.</p> <p>10.3.2 Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian terhadap perkara yang memerlukan tindakan susulan sebagaimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <u>Minit 9.4 (d) (i)</u> – Mesyuarat meminta Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) memastikan dokumen rujukan operasi (SOP) berkaitan pelaksanaan kad maya PutraVID dilaksana dan disahkan di peringkat peneraju sebelum hebahan pemakaian dibuat. (b) <u>Minit 9.4 (d) (iii)</u> – Mesyuarat bersetuju supaya satu sesi semakan khas ke atas pelaksanaan kad maya PutraVID bagi proses yang terlibat di Bahagian Keselamatan Universiti dan juga Pusat Kesihatan Universiti dilaksana pada 26 September 2018 melibatkan Timbalan Wakil Pengurusan ISMS, Ketua Juruaudit ISMS, Ketua Fasilitator ISMS dan pegawai di CQA. (c) <u>Minit 9.5.1 (a) (ii)</u> – Mesyuarat dimaklumkan Soal Selidik Perkhidmatan Pusat Data yang akan dilaksana bersekali dengan Soal Selidik Perkhidmatan ICT bakal dilaksanakan pada bulan Oktober 2018. (d) <u>Minit 9.5.1 (a) (iii)</u> – Mesyuarat mengambil maklum dua (2) soalan soal selidik khusus kepada pelaksanaan ISMS bagi penilaian pengajaran yang bakal dilaksana pada bulan Disember 2018 adalah seperti mana berikut, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (i) Tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem; dan (ii) Tahap responsif sistem (tempoh yang diperlukan untuk melengkapkan satu penilaian pengajaran). 	<p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)</p> <p>Penyelaras ISMS</p> <p>Ketua Pasukan Pusat Data</p> <p>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN						
	(e) <u>Minit 9.5.1 (b)</u> – Mesyuarat meminta Pasukan Pusat Data dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti memastikan draf soalan soal selidik bagi penilaian tahun 2018 dihantar untuk semakan Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti sebelum digunakan.	Ketua Pasukan Pusat Data & Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti						
10.4	<p>LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>10.4.1 Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat tahun 2018 sehingga September 2018 adalah seperti mana perincian di Lampiran C.</p> <p>10.4.2 berdasarkan laporan yang dikemukakan, kesemua enam (6) Objektif Keselamatan Maklumat telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2018.</p> <p>10.4.3 mencadangkan supaya penetapan sasaran objektif keselamatan maklumat berikut ditambahbaik pada tahun 2019 berdasarkan kepada maklumat data pencapaian yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2018 dan juga tahun sebelumnya, iaitu:</p> <p>(a) Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian bagi UPM Bintulu (Sasaran - 75%, Pencapaian - 98%); dan</p> <p>(b) Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan (Sasaran - ≤8 jam, Pencapaian - 1 jam 51 minit).</p> <p>10.4.4 bersetuju dengan kaedah pengukuran yang perlu digunakan bagi setiap objektif ISMS yang perlu diukur oleh setiap pasukan adalah seperti mana berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Penyataan Objektif</th> <th>Kaedah Pengukuran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar</td> <td>Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Penyataan Objektif	Kaedah Pengukuran	1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP	Makluman Makluman Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) & Ketua Pasukan Pusat Data Semua Ketua Pasukan ISMS
Bil	Penyataan Objektif	Kaedah Pengukuran						
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP						

MINIT	AGENDA			TINDAKAN/ MAKLUMAN
		<p>2. Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian</p> <p>3. Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan</p> <p>4. Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester</p> <p>5. Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia</p>	<p>Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran</p> <p>Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective</i> (RTO) Pelan Pemulihan Bencana ICT</p> <p>Membandingkan tempoh masa <i>downtime</i> dengan tempoh masa sistem beroperasi semula</p> <p>Pengukuran berdasarkan tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran selain tidak membenarkan permohonan maklumat penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti (komunikasi kaedah aduan adalah dengan memasukkan 'disclaimer' berkaitan tindakan yang boleh diambil oleh pelajar sekiranya berlaku ketirisan maklumat selepas penilaian dilaksana)</p>	

MINIT	AGENDA				TINDAKAN/MAKLUMAN							
	6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)	Pengukuran berdasarkan kepada verifikasi/pengesahan oleh pihak PTJ ke atas senarai nama pelajar yang mendaftar dan masih aktif bagi setiap kursus.									
10.4.5	bersetuju supaya objektif keenam iaitu 'Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)' digantikan dengan objektif baharu berikut dan penggunaannya tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-41 akan datang, iaitu:											
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Objektif</th><th>Sasaran</th><th>Kaedah pengukuran</th><th>Mekanisme pemantauan pengukuran</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap memuaskan</td><td>Min 4.0</td><td>Skor (min) yang diperolehi bagi item tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem</td><td>Dapatkan soal selidik pelajar terhadap Sistem Penilaian Pengajaran</td></tr> </tbody> </table>				Objektif	Sasaran	Kaedah pengukuran	Mekanisme pemantauan pengukuran	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap memuaskan	Min 4.0	Skor (min) yang diperolehi bagi item tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem	Dapatkan soal selidik pelajar terhadap Sistem Penilaian Pengajaran
Objektif	Sasaran	Kaedah pengukuran	Mekanisme pemantauan pengukuran									
Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap memuaskan	Min 4.0	Skor (min) yang diperolehi bagi item tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem	Dapatkan soal selidik pelajar terhadap Sistem Penilaian Pengajaran									
10.4.6	cadangan penambahbaikan pada masa akan datang iaitu dengan memasukkan objektif berkaitan pemantauan proses kad maya (PutraVID) sebagai salah satu daripada pengukuran objektif keselamatan maklumat di UPM. Perkara ini akan dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat akan datang.											

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
10.5	<p>LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>10.5.1 mengambil maklum berkaitan penggunaan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat sebagai dokumen rujukan utama ISMS dan Dokumen Penyata Pemakaian (Statement of Applicability) yang terkini dengan tarikh kemaskini pada 4 September 2018 yang boleh dirujuk melalui Portal Sistem Pengurusan ISO UPM (eISO). Perincian adalah sebagaimana di Lampiran D.</p> <p>10.5.2 meminta semua pasukan ISMS untuk memastikan penggunaan/rujukan kepada dokumen yang terkini dalam proses kerja terutamanya semasa pelaksanaan Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS pada 1 hingga 3 Oktober 2018.</p> <p>10.5.3 meminta supaya hebahan berkaitan penggunaan dokumen rujukan yang terkini ini dibuat semula kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju/PTJ melalui emel dan aplikasi <i>whatapps</i>.</p>	<p>Makluman</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p> <p>Penyelaras ISMS</p>
10.6	<p>LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>10.6.1 mengambil maklum laporan penilaian risiko yang dibentangkan adalah merupakan hasilan (output) daripada Bengkel Semakan Penilaian Risiko yang telah diadakan pada 19 September 2018. Semakan Penilaian Risiko melibatkan semua aset (<i>people, technology, process</i>) yang terlibat terutama dalam pelaksanaan kad maya (PutraViD) kepada pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2018/2019.</p> <p>10.6.2 mengambil maklum secara keseluruhan terdapat sebanyak 1157 risiko dengan tahap rendah (L), 157 risiko dengan tahap sederhana (M) dan tiada risiko dengan tahap Tinggi (H).</p> <p>10.6.3 bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko ISMS bagi semakan September 2018 dengan beberapa cadangan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Penyelaras Penilaian</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	<p>penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat. Ringkasan laporan penilaian risiko yang telah dikemaskini adalah seperti mana di Lampiran E.</p> <p>10.6.4 meminta setiap pasukan ISMS memastikan sasaran tempoh masa pelaksanaan bagi 'kawalan yang dirancang' dan 'pelan pemulihran risiko' dinyatakan dalam laporan penilaian risiko masing-masing bagi tujuan pemantauan.</p>	Risiko ISMS Semua Ketua Pasukan ISMS
10.7	<p>LAPORAN PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS TAHUN 2018</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tiada laporan soal selidik pihak berkepentingan dilaporkan pada mesyuarat kali ini berdasarkan kepada justifikasi berikut:</p> <p>(a) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah telah dilaksana pada 2 September (Hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah) dan 20 September 2018 (Pendaftaran pengambilan kedua pelajar baharu prasiswazah). Bagaimanapun laporan analisa berkaitannya sedang dalam proses tindakan dan akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-41 pada 9 Oktober 2018; dan</p> <p>(b) Soal selidik perkhidmatan Pusat Data dan Soal Selidik Penilaian Pengajaran masih belum dilaksanakan dan dijadualkan masing-masing akan dilaksana pada Oktober dan Disember 2018.</p>	Makluman
10.8	<p>LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PASUKAN ISMS</p> <p>10.8.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat pasukan ISMS yang diterima daripada Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pasiswazah (Kampus Serdang), Pasukan Pusat Data dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti adalah seperti di Lampiran F.</p> <p>10.8.2 Mesyuarat meminta pasukan ISMS memastikan mesyuarat dikalangan ahli pasukan masing-masing diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi melapor/membincangkan berkaitan perkara/tindakan melibatkan ISMS atau dilaporkan menerusi Mesyuarat Pengurusan PTJ (bagi pasukan yang melibatkan ahli dari PTJ yang sama).</p>	Makluman Semua Ketua Pasukan ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
10.9	<p>HAL-HAL LAIN</p> <p>10.9.1 STATUS PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN ISMS TAHUN 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum sehingga 20 September 2018, status penutupan bagi 10 Laporan Ketakakuran (NCR) dan 29 Peluang Penambahbaikan (OFI) adalah seperti di Lampiran G.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta Peneraju /PTJ yang terlibat untuk mengambil tindakan penutupan sewajarnya mengikut tempoh yang telah dipersetujui sebagaimana dalam Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA).</p> <p>10.9.2 STATUS PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2 SIRIM ISMS TAHUN 2017</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum pelan tindakan bagi lapan (8) OFI Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM ISMS tahun 2017 telah diterima daripada semua Peneraju/PTJ yang terlibat dan tempoh diberi sehingga 26 September 2018 bagi membolehkan peneraju/PTJ menghantar bukti pelaksanaan tindakan kepada pihak Penyelaras Audit Dalam di CQA. Perincian adalah sebagaimana di Lampiran H.</p> <p>10.9.3 LAPORAN PERBINCANGAN PENEMUAN LISAN AUDIT LOKASI SIRIM ISMS TAHUN 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum perbincangan penemuan lisan SIRIM ISMS pada 2 September 2018 telah diadakan 18 September 2018 melibatkan wakil Kolej Kediaman, Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Wakil Pengurusan ISMS dan Pusat Jaminan Kualiti.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil perhatian bahawa beberapa perkara telah diputuskan untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak yang terlibat sebagaimana yang dinyatakan pada Lampiran I.</p>	<p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	<p>10.9.4 JADUAL AUDIT PENSIJILAN SEMULA SIRIM ISMS TAHUN 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS akan diadakan pada 1 hingga 3 September 2018 rentetan daripada Audit Lokasi yang telah dilaksana pada 2 September 2018. Audit kali ini akan melibatkan tiga (3) Juruaudit daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Puan Sazlin Alias (Ketua); (ii) Puan Nur Aisyah Mohd Zamri; dan (iii) Puan Fazlin Zakaria <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung jadual ringkasan pergerakan Juruaudit SIRIM 2018 sebagaimana di Lampiran J.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta semua pasukan ISMS memastikan persediaan sewajarnya dilaksana bagi tujuan kelancaran proses Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS tahun 2018 di lokasi masing-masing.</p>	Makluman Makluman Semua Ketua Pasukan ISMS
10.10	<p>PENANGGUHAN MESYUARAT</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KESEPULUH**

HADIR

1. Encik Mohd Faizal Daud - **Pengerusi**
2. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Zaidi Talip (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
4. Encik Mohd Zul Mohd Yusoff (Ketua, Pasukan Pusat Data)
5. Encik Shahril Iskandar Amir (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
6. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
7. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
8. Puan Shamriza Shari - **Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Azlan Ibrahim (Wakil Encik Fahmi Azar Mistar)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Sudirman Asmadi (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
4. Encik Fahmi Azar Mistar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
5. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)

TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KALI KELAPAN
PADA 06 APRIL 2018

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
1.	8.4	LAPORAN PENCAPAIAN KESELAMATAN MAKLUMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 8.4.3 Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengrusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 belum dapat diukur sehingga April dan meminta peneraju yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya untuk pelaporan mesyuarat akan datang.	Peneraju ISMS yang berkenaan	Laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-40 pada 10 Julai 2018. Maklumat pencapaian bagi objektif no. 2 (UPM Serdang) belum lengkap memandangkan data hanya dapat diperolehi semasa sesi kemasukan pada September 2018.
2.	8.5	LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 8.5.4 Mesyuarat turut mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan penukaran <i>Statement of Applicability</i> (SoA) daripada skop Sokongan ISMS (SOK) kepada Skop Pengurusan ISMS (PGR) dan diletakkan di bawah tanggungjawab Pusat Jaminan Kualiti sebagaimana dokumentasi skop pengurusan yang lain mengambilkira dokumen SoA	Urusetia CQA	Tindakan telah dilaksanakan. Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) telah dijadikan lampiran kepada Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (Dokumen rujukan utama menggantikan Manual ISMS) dan ianya mula digunakan bermula 12 Julai 2018.

		<p>merupakan dokumen rujukan utama dalam proses pelaksanaan ISMS di UPM.</p> <p>8.5.5 Mesyuarat mengambil maklum cadangan ini akan dibawa untuk pemakluman awal Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada 10 April 2018 dan perincian mengenai perubahan dokumentasi skop pengurusan ini akan dibawa untuk kelulusan mesyuarat berikutnya.</p>	Urusetia CQA	<p>Telah dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali Ke-39 (pemakluman awal) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-40 (kelulusan pemakaian).</p>
3.	8.6	<p>LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013</p> <p>8.6.3 Mesyuarat bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko ISMS bagi semakan Januari 2018 dengan beberapa cadangan penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat. Ringkasan laporan penilaian risiko yang telah dikemaskini adalah seperti mana di Lampiran E.</p>	Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan	<p>Tindakan telah dilaksanakan. Laporan Penilaian Risiko ISMS Semakan Januari telah dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-40 pada 10 Julai 2018.</p>
4.	8.7	<p>LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS</p> <p>8.7.2 Mesyuarat meminta semua peneraju memastikan hanya aktiviti/operasi yang signifikan dengan pelaksanaan ISMS sahaja yang dilaporkan dalam pelaporan agenda ini pada masa hadapan.</p>	Semua Peneraju ISMS	<p>Telah diambil tindakan oleh semua pasukan.</p>

5.	8.8.1	<p>Cadangan Perubahan Struktur ISMS Tahun 2018</p> <p>(c) Mesyuarat turut mencadangkan supaya Penyelaras Proses bagi Struktur Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) digantikan dengan pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang bertanggungjawab mengendalikan proses pendaftaran pelajar itu sendiri.</p> <p>(d) Mesyuarat meminta semua Peneraju mengemaskini struktur ISMS masing-masing dan dikembalikan kepada pihak sekretariat di Pusat Jaminan Kualiti sebelum atau pada 9 April 2018 untuk tujuan perlantikan ke atas penama yang dicadangkan.</p> <p>(e) Mesyuarat turut bersetuju melantik Puan Noorizai Haji Mohamad Noor, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti sebagai Penasihat Baharu bagi Jawatankuasa Kerja ISMS UPM.</p> <p>(f) Mesyuarat secara dasarnya bersetuju meluluskan cadangan perubahan struktur semua peneraju pasukan ISMS mengambil kira perubahan yang dicadangkan untuk pelaksanaan bermula Mei 2018.</p>	<p>Peneraju ISMS (Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Bintulu)</p> <p>Peneraju ISMS yang terlibat</p> <p>Urusetia CQA</p> <p>Urusetia CQA</p>	<p>Tindakan telah dilaksanakan dengan melantik Puan Hairunnisah Abdul Rahman daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebagai Penyelaras Proses bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu berkuatkuasa 8 Mei 2018.</p> <p>Maklumbalas telah diterima daripada semua pasukan ISMS.</p> <p>Pelantikan telah dibuat melalui surat bertarikh 8 Mei 2018.</p> <p>Perlantikan berdasarkan struktur baharu ISMS 2018 telah dikeluarkan melalui surat bertarikh:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) 8 Mei 2018 - Pasukan Pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (Kampus Bintulu), Pasukan Pusat Data dan Pasukan Penilaian Pengajaran; (ii) 18 Mei 2018 - Pasukan Pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (Kampus Serdang); and (iii) 11 Julai 2018 – Pentadbir <i>Putra Learning Hub</i> Fakulti
----	-------	---	---	---

6.	8.8.2	<p>Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman dan Audit SIRIM ISMS Tahun 2017</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum status penutupan bagi 14 Laporan Ketakakuruan (NCR) Audit Dalaman ISMS Tahun 2017 adalah sepetimana yang dipaparkan melalui Portal Audit Dalaman iaitu 9 NCR ditutup, 1 NCR gugur dan 4 NCR belum ditutup. Mesyuarat meminta peneraju yang terlibat menyemak status penutupan NCR masing-masing dan mengambil tindakan penutupan segera berdasarkan tarikh akhir penutupan yang dinyatakan/dipersetujui dengan pihak Juruaudit.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum ke semua pelan tindakan bagi lapan (8) Laporan Peluang Penambahbaikan Audit Pemanatauan Semakan 2 SIRIM ISMS Tahun 2017 telah diberi maklum balas oleh peneraju dan semua peneraju diminta mengambil tindakan dan mengemukakan bukti pelaksanaan tindakan selewatnya satu (1) bulan sebelum pelaksanaan audit SIRIM tahun 2018.</p>	<p>Peneraju ISMS yang berkenaan</p> <p>Peneraju ISMS yang berkenaan</p>	<p>Tindakan telah dilaksanakan dan NCR/OFI yang berstatus belum ditutup telah disemak semula oleh Juruaudit semasa Audit Dalaman ISMS pada 17 hingga 19 Julai 2018.</p> <p>Rujuk Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Kesepuluh (Agenda 9.2).</p>
7.	8.8.3	<p>Templat Penyediaan Laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS Tahun 2018</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum templat pelaporan bagi setiap peneraju ISMS yang perlu dihantar kepada sekretariat adalah sepetimana paparan semasa mesyuarat. Mesyuarat dimaklumkan templat ini akan dihantar kepada semua peneraju dalam masa terdekat bagi tujuan pengumpulan laporan untuk MKSP ISMS yang akan diadakan pada 7 Ogos 2018.</p>	<p>Urusetia CQA/Semua Peneraju ISMS</p>	<p>Tindakan telah dilaksanakan. Pelaporan yang diterima telah dibawa ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS pada 07 Ogos 2018.</p>

TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KALI KESEMBILAN (KHAS)
PADA 09 OGOS 2018

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
1.	9.2	DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT <p>(d) mengambil perhatian dan tindakan terhadap beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) mengugurkan maklumat pencapaian bagi objektif keselamatan maklumat. Perincian maklumat pencapaian ini seterusnya akan dirujuk melalui laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM yang dipantau secara dua (2) kali iaitu pada pada pertengahan dan akhir tahun penilaian; (ii) memasukkan kaedah pengukuran setiap objektif bagi memastikan maklumat berkaitan pengukuran lebih jelas; (iii) mengeluarkan MAMPU Sawarak daripada senarai pihak berkepentingan atas justifikasi ianya juga merupakan salah satu daripada agensi kerajaan; dan (iv) menambah maklumat pengecualian bagi skop penilaian pengajaran 	Urusetia CQA	Pengemaskinian telah dilaksanakan bagi perkara (i) dan (iii) dan telah dihebah/dipaparkan melalui Portal eISO bermula 4 September 2018.

		<p>prasiswazah di Fakulti dimana skop turut merangkumi pelajar prasiswazah antarabangsa tetapi tidak termasuk pelajar prasiswazah pengajian jarak jauh dan juga program untuk eksekutif.</p>		
2.	9.3	<p>LAPORAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN ISMS TAHUN 2018</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian dan tindakan berkaitan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) NCR perlu diambil tindakan dalam tempoh 21 hari bekerja iaitu sebelum atau pada 13 September 2018 atau tarikh lain yang dipersetujui antara Juruaudit dan Auditi; dan (ii) Maklum balas pelan tindakan NCR dan OFI perlu diinput secara atas talian melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) sebelum 27 Ogos 2018 manakala maklum balas tindakan dan bukti tindakan dikemaskini dalam PortalCQA mengikut tempoh yang telah dipersetujui. 	<p>Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan</p>	Rujuk perincian Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Kesepuluh (Agenda 9.1).
3.	9.3	<p>(e) Mesyuarat seterusnya meneliti dan bersetuju dengan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Objektif kelima dikekalkan dengan penambahbaikan pada penulisan dan kaedah pengukuran; dan (ii) Objektif keenam perlu dikaji semula dan dicadangkan untuk digantikan dengan objektif yang lebih signifikan dengan 	<p>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</p>	Pembentangan cadangan objektif terkini Penilaian Pengajaran dibincangkan semasa mesyuarat.

		<p>pelaksanaan ISMS bagi skop penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti.</p>		
4.	9.3	<p>(f) Mesyuarat mencadangkan supaya satu Bengkel Semakan Pelan Penutupan NCR diadakan pada 30 Ogos 2018 bagi menyemak maklumat pelan tindakan yang telah diinputkan oleh pasukan/PTJ sokongan ISMS yang terlibat.</p>	Urusetia CQA	<p>Sesi Perbincangan/Semakan Pelan Penutupan NCR Audit Dalaman ISMS telah diadakan pada 30 Ogos 2018 melibatkan Timbalan Wakil Pengurusan dan Timbalan Penyelaras Audit Dalaman PTJ yang terlibat.</p>
5.	9.4	<p>CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DALAM PENGURUSAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT - PENGGUNAAN KAD MAYA PUTRA VIRTUAL ID (PUTRAVID)</p> <p>(d) mengambil perhatian dan tindakan berhubung perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) status penyediaan dokumen rujukan operasi (SOP) Putra VID. (ii) kaedah komunikasi/hebahan berkaitan pelaksanaan Putra VID kepada semua warga UPM. (iii) mengadakan audit khas bagi menyemak status pelaksanaan PutraVID sebelum Audit SIRIM ISMS 2018 (sekiranya perlu). 	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu)/ Urusetia CQA	<p>Telah dilaksanakan.</p> <p>Telah dilaksanakan.</p> <p>Akan dibawa untuk perbincangan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali kesepuluh.</p>
6.	9.5.1	<p>PERANCANGAN PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS TAHUN 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan tindakan bagi tahun 2018 terdapat tiga (3) kategori soal selidik pihak berkepentingan ISMS yang akan dilaksanakan melibatkan peneraju berikut, iaitu:</p>		

		<p>(i) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu (dilaksanakan semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah) bermula 2 September 2018;</p> <p>(ii) Soal Selidik Perkhidmatan Pusat Data (dilaksanakan secara bersama dengan soal selidik perkhidmatan ICT pada bulan Oktober 2018 dengan penambahan beberapa soalan berkaitan ISMS); dan</p> <p>(iii) Soal Selidik Penilaian Pengajaran ISMS (dilaksanakan secara bersama dengan soal selidik penilaian pengajaran pada minggu penilaian dengan penambahan dua (2) soalan khusus berkaitan tahap kepercayaan pelajar terhadap kerahsiaan data yang diinput serta tahap kepuasan pelajar terhadap ketersediaan data soal selidik).</p>	<p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu)</p> <p>Ketua Pasukan Pusat Data</p> <p>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</p>	<p>Telah dilaksanakan pada 2 September 2018 dan 20 September 2018.</p> <p>Pelaporan semasa mesyuarat.</p> <p>Pelaporan semasa mesyuarat.</p>
7.	9.5.1	<p>(b) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian bahawa draf soalan soal selidik ISMS yang akan digunakan bagi kesemua peneraju ISMS perlu disemak terlebih dahulu oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) selaku Pemunya Proses Kajian Kepuasan Pelanggan Universiti secara keseluruhan.</p>	Semua Pasukan ISMS/ Urusetia CQA	<p>Sesi semakan draf soalan soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2018 dengan pihak PKPU:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah telah dibuat pada 27 Ogos 2018; (ii) Pasukan Pusat Data – akan dilaksanakan sebelum penilaian pada Oktober 2018 (iii) Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti – akan dilaksanakan sebelum penilaian pada Oktober/Disember 2018.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001: 2013 KALI KESEPULUH
21 SEPTEMBER 2018**

**AGENDA 4:
LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT**

Pihak Pengurusan UPM telah menetapkan Objektif Keselamatan Maklumat yang bersesuaian dengan fungsi yang terlibat bagi memastikan semua data dan maklumat di UPM adalah selamat.

Pada tahun 2018, objektif ISMS dikemaskini semula mengambil kira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran prasiswazah dan telah dibawa untuk kelulusan menerusi **Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 38 pada 6 Februari 2018**.

Pelaporan Data pencapaian Januari hingga Jun 2018 telah dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 40 pada 10 Julai 2018.

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	100%	100% [Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB pada 21 Jun 2018 (489 orang) dan pendaftaran pelajar baharu Prasiswazah Serdang dan UPMKB pada 2 September 2018 (3496 orang) dan pada 20 September (125 orang)]

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% UPM Serdang (2018)  80% UPM Serdang (2017) 75% UPM Bintulu (2018)  60% UPM Bintulu (2017)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (Kampus Serdang dan Bintulu)	100% (UPM Serdang) (3280 daripada 3280 pelajar program bachelor membayar yuran secara atas talian)	100% (UPM Serdang) (Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswa pada 2 September 2018 dan 20 September 2018 (3554/3554))

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 telah berjaya dilaksanakan pemulihan selepas 7 jam 40 minit	<p>Simulasi DRP ICT telah berjaya dilakukan dalam tempoh 1 jam 51 minit</p> <p>(Rujuk Laporan simulasi DRP ICT 27 Julai 2018)</p> 

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	100% (berdasarkan Senarai Semak Pemantauan Berkala Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/ BR06/ Pemantauan Berkala) semasa hari pendaftaran pelajar baharu))	100% (berdasarkan Senarai Semak Pemantauan Berkala Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/ BR06/ Pemantauan Berkala) semasa hari pendaftaran pelajar baharu Program Diploma UPMKB)) pada 21-24 Jun 2018 dan semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu pada 2 September 2018)


**NEW
UPDATE!**

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia (Objektif Baharu 2018)	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	-	100% (100% penilaian dibuat atas talian dan tiada aduan ketirisan maklumat penilaian pelajar – berdasarkan penilaian pengajaran sem. 2 sesi 2017/2018)



BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
6.	<p>Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)</p> <p>(Objektif Baharu 2018)</p>	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	-	<p>100%</p> <p>(100% data penilaian diperolehi daripada Sistem eSMP dan 16 fakulti telah membuat pengesahan data penilaian pengajaran sem. 2 sesi 2017/2018)</p>


Follow Up!

Kaedah Pengukuran setiap objektif ISMS:

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	KAEDAH PENGUKURAN
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective</i> (RTO) Pelan Pemulihan Bencana ICT
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	Membandingkan tempoh masa <i>downtime</i> dengan tempoh masa sistem beroperasi semula
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	Pengukuran berdasarkan tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran selain tidak membenarkan permohonan maklumat penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti.
6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)	Pengukuran berdasarkan kepada verifikasi/pengesahan oleh pihak PTJ ke atas senarai nama pelajar yang mendaftar dan masih aktif bagi setiap kursus.

SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dimohon:

1. mengambil maklum status pencapaian **Objektif Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 bagi tempoh Januari sehingga September 2018**; dan
2. mengambil perhatian terhadap keperluan semakan ke atas **Objektif Keselamatan Maklumat bagi Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti**; dan
3. mengambil perhatian terhadap **pengenalpastian kaedah pengukuran yang jelas** bagi setiap objektif ISMS yang digunakan.





Lampiran D

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001: 2013 KALI KESEPULUH
21 SEPTEMBER 2018**

**AGENDA 5:
LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN
KESELAMATAN MAKLUMAT**



**DOKUMEN RUJUKAN
PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN
KESELAMATAN MAKLUMAT**



<http://www.upm.edu.my>



**Kemaskini terkini
pada 4 September
2018**




PORTAL SISTEM PENGURUSAN ISO UPM (e-ISO)



KAWALAN DOKUMEN DAN REKOD ISO

- Graf Statistik Dokumen ISO UPM
- Jadual/Laporan Terperinci Statistik Dokumen Mengikut Peneraju
- Senarai Utama Dokumen Terkawal ISO
- Dokumen Rujukan ISO
 - + Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar
 - + Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
 - + Penyata Pemakaian (Statement of Applicability)
 - + Dokumen Rujukan Luaran/Dalamain Lain
- Jadual Kelulusan Dokumen
- Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD)
 - + Jadual Tindakan Kuatkuasa Dokumen ISO 2018
 - + Surat Hebahan Perubahan Dokumen
 - + Senarai Perincian/Perubahan Dokumen
 - + Panduan Penyediaan/Pindaan Dokumen
 - + Senarai Daftar Rekod
- Senarai Daftar Dokumen Sokongan Mengikut Prosedur



1.0 PENGENALAN

Dokumen Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability* (SoA)) menggariskan objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Universiti Putra Malaysia.

2.0 TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk menetapkan proses yang perlu dilakukan menyediakan SoA.

PENYATA PEMAKAIAN (STATEMENT OF APPLICABILITY) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT						
Lampiran A: SoA Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 ISMS Universiti Putra Malaysia						
Kawalan ISO/IEC 27001:2013		Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausu	Sek	Objektif Kawalan/Kawalan				
A.5	A.5.1	Hala tuju pengurusan untuk keselamatan maklumat Menyediakan hala tuju dan sokongan pengurusan untuk keselamatan maklumat menurut keperluan perniagaan serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan.	Pusat Jaminan Kualiti	YA	YA	Memastikan kawalan keselamatan maklumat dibangunkan dan disahkan oleh Pengurusan Atasan dan disampaikan kepada umum
	A.5.1.1	Dasar keselamatan maklumat Satu set dasar untuk keselamatan maklumat hendaklah ditakrifkan, diluluskan oleh pengurusan, diterbitkan dan disampaikan kepada kakitangan dan pihak luaran yang berkaitan.				<ul style="list-style-type: none"> Dasar ISMS UPM <ul style="list-style-type: none"> diluluskan oleh Pengurus Lembaga Pengaruh Universiti pada 9 Disember 2014 - dikomunikasi menerusi Portal eISO UPM
	A.5.1.2	Kajian semula dasar untuk keselamatan maklumat Disebut sebagai kajian semula dasar untuk keselamatan maklumat	Pusat Jaminan Kualiti	YA	YA	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan dasar sentiasa terkini berdasarkan teknologi dan Semakan berkala dilaksanakan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ICAAC UPM



**Kemaskini terkini pada
4 September
2018**



PORTAL SISTEM PENGURUSAN ISO UPM (e-ISO)



KAWALAN DOKUMEN DAN REKOD ISO

- Graf Statistik Dokumen ISO UPM
- Jadual/Laporan Terperinci Statistik Dokumen Mengikut Peneraju
- Senarai Utama Dokumen Terkawal ISO
- Dokumen Rujukan ISO
 - + Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar
 - + Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
 - + Penyata Pemakaian (Statement of Applicability)
- Dokumen Rujukan Luaran/Dalam/Lain
- Jadual Kelulusan Dokumen
- Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD)
